

# PROZYME TABLET

Papain (equivalent to 150,000 USP unit)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prozyme Tablet
2. Bagaimana Prozyme Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Prozyme Tablet
4. Cara menggunakan Prozyme Tablet
5. Semasa menggunakan Prozyme Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prozyme Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Prozyme Tablet

Prozyme Tablet digunakan untuk rawatan bengkak dan keradangan.

## Bagaimana Prozyme Tablet berfungsi

Prozyme Tablet mempunyai bahan aktif papain yang berfungsi dengan mengurangkan bengkak di kawasan radang.

## Sebelum mengambil Prozyme Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai alahan/ alergi terhadap papain atau bahan-bahan lain di dalam ubat ini.
- Jika anda mempunyai penyakit darah beku.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hamil.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam setengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Prozyme Tablet:

- Ubat antikoagulan (untuk mengurangkan pembekuan darah)

## Cara menggunakan Prozyme Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

2 tablet untuk dihisap atau dikunyah 4 kali sehari untuk hari pertama, kemudian 1 tablet 4 kali sehari selama sekurang-kurangnya 5 hari.

Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

### -Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda untuk jangkamasa penggunaan.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak tablet, hubungi doktor, ahli farmasi, atau jabatan kecemasan hospital terdekat anda serta-merta. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Prozyme Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Prozyme Tablet.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan beri Prozyme Tablet kepada orang lain walaupun mereka mempunyai tanda-tanda atau keadaan yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Gunakan Prozyme Tablet dengan berhati-hati semasa mengandung.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Prozyme Tablet juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diinginkan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan dibawah semasa mengambil ubat ini:

- Gatal-gatal
- Pening kepala
- Loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Prozyme Tablet

### -Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 25°C. Lindungi dari cahaya.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat, rata, berwarna hijau dengan garis belahan di satu permukaan, berdiameter 7.9mm dan berperisa peppermint.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Papain

*-Bahan-bahan tidak aktif:*

*Corn starch, colouring agents, gelatin, lactose, colloidal silicon dioxide, magnesium stearate, sodium saccharin dan peppermint oil (flavouring).*

*-Nombor MAL*

MAL19910323X

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Royce Pharma Manufacturing Sdn.  
Bhd.  
PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

21/06/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)180518/00160